



KPKT umum 7 tindakan segera dalam 100 hari untuk kesejahteraan rakyat

Oleh Azhar Shahrulnizam - Januari 13, 2023 @ 7:45pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengumumkan tujuh tindakan segera dalam tempoh 100 hari yang bakal memanfaatkan kebajikan rakyat di seluruh negara.

Inisiatif berkenaan membabitkan aspek perumahan, kemudahan awam, pengoperasian balai bomba baharu dan pengurangan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan.

Menterinya, Nga Kor Ming, berkata sebanyak 4,713 unit rumah bakal diserahkan kepada rakyat.

"Ia meliputi Program Perumahan Rakyat (PPR) Kuah dan Ulu Melaka, Langkawi, Kedah, serta Rumah Mesra Rakyat (RMR) 2022 secara berkelompok.

"Hasil penyelesaian projek sakit yang berjaya disiapkan di Ipoh, Perak, dan Kota Tinggi, Johor, juga akan diserahkan.

"Jabatan serta agensi terbabit dalam pelaksanaan inisiatif itu ialah Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)," katanya dalam satu kenyataan.

Seterusnya, Kor Ming berkata, seramai 4,608 penghuni golongan B40 bakal mendapat manfaat daripada hasil kerja naik taraf 12 unit lif yang akan dibaik pulih dan diselenggara di PPR Kota Damansara, Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau berkata, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan menaik taraf Pasar Tok Kenali dan Jalan Binjai di Kelantan serta Pasar Pasir Pinji di Ipoh, Perak.

"Seramai 353 peniaga dijangka menerima manfaat daripada pelaksanaan naik taraf pasar awam dan penyediaan 100 kios perniagaan. Ia penting bagi meningkatkan kemudahan premis perniagaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan berusaha menutup 100 lokasi tapak sampah haram serta memperkasakan inisiatif kitar semula.

"Selain itu, peranan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) adalah penting bagi memastikan pengoperasian Loji Rawatan Waste to Energy (WtE) yang pertama di Malaysia, terletak di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan, dapat mengurangkan 90 peratus penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan," katanya.

Seterusnya, beliau berkata, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berharap pengoperasian empat balai bomba dan penyelamat (BBP) di Kuala Lumpur, Perak serta Sarawak akan dapat meningkatkan tahap jaminan keselamatan, terutama bagi penduduk setempat.

"KPKT terus komited memperkasakan kualiti penyampaian dan perkhidmatan, khususnya dari aspek perumahan, kerajaan tempatan, kemampanan bandar, pengurusan sisa pepejal serta perkhidmatan kebombaan demi kesejahteraan rakyat," katanya.